



SIARAN MEDIA

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DIBERI PERKENAN MENGHADAP DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

KUALA LUMPUR, 19 Januari 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah diberi perkenan menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah di Istana Hinggap Perak di sini semalam.

Dalam sesi menghadap yang berlangsung kira-kira sejam itu, YB KM juga turut diberi perkenan untuk mempersembahkan perencanaan berhubung Pelancaran Bandar PR1MA pertama di Malaysia yang terletak berdekatan tapak pembinaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Kampus Teluk Intan. Bandar tersebut akan menawarkan lebih 1,000 unit Rumah Mampu Milik yang berkualiti tinggi serta perancangan bandar yang mampan, lestari dan selesa. Projek berkenaan akan dibangunkan di atas tanah seluas 57.5 hektar (142 ekar) dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan berjumlah RM800 juta.

Beliau juga menyatakan komitmen untuk terus memaju pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berkualiti tinggi serta model baru Program Perumahan Rakyat (PPR) yang bakal dilancarkan tidak lama lagi. YB KM turut mempersembahkan beberapa siri kejayaan KPKT dalam melaksanakan pembinaan prasarana awam termasuk pasar-pasar awam baru, inisiatif tandas awam bertaraf 'BMW', inisiatif MyKiosk Niaga yang menggunakan amalan teknologi hijau, pemerksaan aplikasi PBTPay, penambahbaikan Garis Panduan OSC 3.0 plus serta pelaksanaan inovasi Audio Frequency Intercept System (AFIS) dari pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang telah menerima anuegrah utama bagi Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) pada tahun 2023.

KPKT juga akan meneruskan komitmen pada tahun ini dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada seluruh rakyat negara ini sebagai satu usaha untuk merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

